- Perundangan
- Pendaftaran Pengendali Takaful
- Majlis Pengawasan Syariah
- Pelantikan Pengarah, Ketua Eksekutif atau Pegawai Utama Pengendali Takaful
- Pejabat Baru Pengendali Takaful
- Akaun Berkanun dan Laporan Penilaian
- Keperluan Aset Berkanun
- Perubahan Ekuiti
- Pemeriksaan
- Guna Tenaga
- Kompaun Kesalahan
- Aduan Orang Awam

Pentadbiran Akta

Pentadbiran Akta

Perundangan

Industri takaful adalah tertakluk di bawah Akta Takaful 1984, yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 1985. Akta ini memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia, sebagai pengawalselia industri insurans, untuk menetapkan keperluan-keperluan mandatori terperinci di bawah mana-mana peruntukan Akta yang berkaitan. Senarai perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta yang berkuatkuasa pada 31 Disember 2001 ditunjukkan di Lampiran I.

Pendaftaran Pengendali Takaful

Pada akhir tahun 2001, dua pengendali takaful telah didaftarkan di bawah seksyen 8 Akta bagi menjalankan perniagaan takaful keluarga dan perniagaan takaful am. Pengendali berdaftar tersebut adalah Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) dan Takaful Nasional Sendirian Berhad (TNSB). Alamat dan nama pengendali takaful berserta pegawai utama masing-masing adalah seperti di Lampiran II.

Majlis Pengawasan Syariah

Di bawah seksyen 8(5)(b) Akta, Tataurusan Pertubuhan bagi sesebuah pengendali takaful dikehendaki mengandungi peruntukan penubuhan sebuah Majlis Pengawasan Syariah. Fungsi utama Majlis Pengawasan Syariah ini adalah untuk menasihati pengendali takaful dalam memastikan operasi perniagaan takafulnya mematuhi kehendak Syariah serta keseluruhan aktiviti pengendali takaful tersebut tidak terlibat di dalam sebarang unsur yang tidak dibenarkan oleh Syariah. Kedua-dua pengendali takaful telah menubuhkan Majlis Pengawasan Syariah mereka dan ahli-ahli Majlis Pengawasan Syariah disenaraikan di Lampiran III.

Pelantikan Pengarah, Ketua Eksekutif atau Pegawai Utama Pengendali Takaful

Seksyen 32 Akta menghendaki setiap pengendali takaful untuk memberi notis bertulis kepada Ketua Pengarah berhubung seseorang yang menjawat atau berhenti daripada menjawat jawatan pengarah urusan, pengarah, ketua eksekutif atau pegawai utama. Notis tersebut hendaklah diserahkan sebelum berakhir tempoh 14 hari dari tarikh kenyataan tersebut sampai ke pengetahuan pengendali takaful berkenaan. Bagi pelantikan pengarah urusan, pengarah, ketua eksekutif atau pegawai utama, pengendali takaful dikehendaki di bawah keperluan pentadbiran yang ditetapkan oleh BNM untuk mendapatkan kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah. Tindakan ini adalah bagi memastikan hanya mereka yang layak dan sesuai sahaja dilantik dalam pengurusan pengendali takaful. Pada tahun 2001, BNM telah dimaklumkan mengenai peletakan jawatan seorang pengarah dan pegawai utama satu pengendali takaful. Kelulusan telah diberi kepada pengendali takaful tersebut untuk melantik seorang pengarah baru dan pemangku pegawai utama untuk menggantikan pengarah serta pegawai utama yang telah meletakkan jawatan masing-masing.

Pejabat Baru Pengendali Takaful

Seksyen 30 Akta menghendaki setiap pengendali takaful untuk mendapatkan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah sebelum membuka cawangan baru di Malaysia. Walau bagaimanapun, selaras dengan surat pekeliling Bank Negara Malaysia (BNM) JPI : 33/1999 mengenai "Semakan Semula Polisi Pembukaan Cawangan", yang berkuatkuasa mulai 27 Ogos 1999, pengendali takaful telah diberi kelulusan secara sarwa untuk meletakkan terminal elektronik dan memasang laman web internet. Berikutan dengan itu, prosedur pemerosesan permohonan telah diselaraskan yang mana permohonan bagi pembukaan pejabat akan diproses sebanyak dua kali setahun, iaitu pada akhir bulan Mac dan September. Pada tahun 2001, kelulusan telah diberi kepada sebuah pengendali takaful untuk menubuhkan cawangan baru. Jumlah cawangan dan meja takaful pada 31 Disember 2001 ialah sebanyak 125 buah.

Akaun Berkanun dan Laporan Penilaian

Dalam tempoh enam bulan dari tarikh berakhir tahun kewangannya, pengendali takaful adalah dikehendaki di bawah seksyen 41 dan 42 Akta untuk mengemukakan kepada Ketua Pengarah penyata-penyata akaun seperti yang ditentukan dalam Jadual Kedua Akta. Selain daripada itu, pengendali takaful yang menjalankan perniagaan takaful keluarga dikehendaki mengemukakan sijil dan ringkasan laporan aktuari mereka. Bagi tahun kewangan 2001, kedua-dua pengendali takaful telah mengemukakan penyata berkanun mereka dalam tempoh yang telah ditetapkan. Petikan penyata berkanun tersebut dilampirkan dalam Laporan sebagai jadual perangkaan.

Keperluan Aset Berkanun

Aset Kumpulan Wang Takaful
Seksyen-seksyen 17(2)(a) dan 17(2)(b) Akta menghendaki pengendali takaful mengekalkan sekurang-kurangnya 80% daripada setiap kumpulan wang takaful dalam bentuk aset Malaysia yang dibenarkan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama Akta, dan sekurang-kurangnya 15% daripada setiap kumpulan wang takaful dalam bentuk sekuriti Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri yang dikeluarkan di Malaysia.

Dalam tahun yang dilaporkan, sebuah pengendali takaful telah gagal untuk mematuhi kehendak seksyen-seksyen 17(2)(a) dan 17(2)(b) yang merujuk kepada kumpulan wang takaful am dan keluarga. Kegagalan untuk mematuhi kehendak seksyen 17(2)(a) adalah ekoran daripada keperluan yang ketat bagi aset Malaysia yang dibenarkan seperti yang ditetapkan dalam Akta, manakala kegagalan untuk mematuhi kehendak seksyen 17(2)(b) adalah disebabkan kekurangan Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) dalam pasaran. Walau bagaimanapun, sebahagian kumpulan wang takaful telah dilaburkan dalam aset berisiko rendah termasuk bon jaminan Kerajaan dan sekuriti hutang swasta yang mempunyai penarafan BBB atau P3 seperti yang ditetapkan oleh BNM. Pengendali takaful tersebut telah diberi peringatan untuk memastikan pematuhan seksyen-seksyen tersebut. Dalam masa yang sama, BNM sedang mengkaji semula keperluan berkenaan.

Deposit Berkanun
Seksyen 13 Akta menghendaki pengendali-pengendali takaful mengekalkan nilai deposit berkanun tidak kurang daripada jumlah yang telah ditetapkan bagi setiap kelas perniagaan dengan Akauntan Negara Malaysia pada setiap masa. Deposit ini boleh dibuat sama ada dalam bentuk wang tunai atau sekuriti seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama Akta, atau gabungan kedua-duanya asalkan ianya tidak bertentangan dengan Syariah. Seksyen 14 Akta selanjutnya memperuntukkan bahawa waad bank yang dikeluarkan oleh bank yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 boleh juga diterima bagi menggantikan deposit berkanun dengan syarat waad bank tersebut hendaklah mematuhi keperluan Ketua Pengarah. Semua pendapatan yang terakru terhasil daripada deposit tersebut akan dibayar kepada pengendali takaful yang berkenaan. Deposit tersebut boleh digunakan sekiranya terdapat proses pembubaran pengendali takaful dan juga untuk tujuan memenuhi liabiliti sijil yang dikeluarkan. Sekiranya terdapat kekurangan berikutan nilai sekuriti yang tidak stabil, Ketua Pengarah boleh mengarahkan pengendali takaful untuk membuat penambahan kepada amaun yang ditetapkan. Dalam tahun 2001, kedua-dua pengendali takaful telah mematuhi kehendak deposit berkanun tersebut.

Perubahan Ekuiti

Pada akhir tahun 2001, jumlah modal berbayar agregat pengendali takaful adalah sebanyak RM90 juta. Agihan pemilikan ekuiti pengendali takaful telah memenuhi matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dengan penyertaan ekuiti efektif warganegara Malaysia berjumlah 99.9%, yang mana 97.6% daripadanya merupakan ekuiti yang dimiliki oleh Bumiputera.

Pemeriksaan

Jabatan Penyeliaan Insurans BNM telah menjalankan permeriksaan ke atas pengendali takaful pada tahun 2001 bagi memastikan mereka menjalankan operasi dengan cermat dan berhemat dalam memenuhi tanggungjawab

terhadap para peserta. Pemeriksaan tersebut merangkumi kajian berkaitan dengan prestasi pendapatan pengendali takaful, pengurusan, kualiti aset dan kedudukan kemampuan di bawah rangkakerja EMAS. Bidang-bidang yang diberi perhatian di dalam pemeriksaan menjadi asas sebagai langkah-langkah pembaikan. Dalam hubungan ini, pihak lembaga pengarah dan pihak pengurusan pengendali takaful telah diminta untuk menangani syor dan cadangan yang dikemukakan oleh pengawalselia.

Guna Tenaga

Jumlah guna tenaga dalam industri takaful telah meningkat sebanyak 15.5% daripada 1,345 pada akhir tahun 2000 kepada 1,553 pada akhir tahun 2001. Kakitangan di peringkat pengurusan dan penyeliaan merupakan 55.2% daripada jumlah guna tenaga, sementara bakinya merupakan kakitangan dalam kategori perkeranian dan bukan perkeranian.

Kompaun Kesalahan

Peraturan-peraturan Takaful (Kuasa Untuk Mengkompaun) 1985 yang mana menurut seksyen 61 Akta memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengkompaun kesalahan yang dilakukan di bawah Akta. Sepertimana tahun-tahun yang lepas, tiada pengendali takaful yang telah dikompaun di bawah Akta dalam tahun 2001.

Aduan Orang Awam

Pada tahun 2001, BNM menerima 60 aduan bertulis terhadap pengendali takaful. Kebanyakan daripada aduan-aduan tersebut berkaitan dengan kelewatan menyelesaikan tuntutan, kelewatan menjawab surat, penolakan tuntutan atau pertikaian berhubung jumlah nilai tuntutan.Daripada keseluruhan aduan yang telah diterima, sebanyak 88% telah diselesaikan oleh pengendali tafakul yang berkenaan. Selebihnya masih dibawah perhatian pengendali takaful yang berkenaan dan menunggu maklum balas daripada penanggung insurans konvensional dan Biro Pengantaraan Insurans.